



Bank Pilihan Anda

## **BANK RAKYAT SANTUNI KOMUNITI KAMPUNG PERMATANG ARA, SALUR SUMBANGAN LEBIH RM164,000**

**KUALA LUMPUR, 2 MAC 2026** – Bank Rakyat baru-baru ini menyantuni penduduk Kampung Permatang Ara di Permatang Pauh, Pulau Pinang menerusi **“Inisiatif Jangkauan Komuniti: Kampung Kita”** di bawah Program Kampung Angkat MADANI dengan menyalurkan sumbangan keseluruhan berjumlah lebih **RM164,000**.

Bank Rakyat dalam satu kenyataan berkata, seiring dengan tema **“Suara Hati”** yang dipilih sempena bulan Ramadan dan Syawal tahun ini, inisiatif ini mencerminkan suara hati institusi berkenaan yang sentiasa dekat dengan komuniti di luar bandar dan memahami keperluan mereka, khususnya golongan yang memerlukan.

Program tersebut diisi dengan aktiviti gotong-royong menyediakan juadah berbuka puasa dan bubur lambuk untuk diagihkan kepada komuniti setempat, selain solat tarawih berjemaah dan moreh. Turut hadir ialah **Pengerusi Bank Rakyat, Datuk Mohd Irwan Mohd Mubarak, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Rakyat, Ahmad Shahril Mohd Shariff** serta **Jawatankuasa Pengurusan Bank Rakyat**.

Inisiatif ini juga menekankan usaha pembangunan kapasiti, pemeraksanaan ekonomi dan kesejahteraan individu serta perniagaan secara inklusif dan berterusan. Antara sumbangan yang disalurkan termasuk bantuan kewangan bernilai keseluruhan **RM85,000** kepada 17 usahawan program iTEKAD – RAKYATpreneur B40 dari Kampung Permatang Ara.

Selain itu, bantuan asnaf sebanyak **RM30,000** turut diserahkan kepada 150 penerima, **RM7,000** untuk Sudut Bacaan NURI di Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh, **RM15,000** bagi keceriaan ruang mengaji Surau Permatang Ara, **RM7,500** kepada 50 pelajar asnaf Sekolah Menengah Kebangsaan Permatang Pasir melalui Yayasan Bank Rakyat, manakala Penang Free School dan Sekolah Kebangsaan Stowell masing-masing menerima sumbangan **RM10,000** untuk naik taraf kemudahan sekolah serta keceriaan pusat sumber.



Bank Pilihan Anda

“Sumbangan ini merupakan pelaburan sosial yang bertujuan meningkatkan akses pendidikan, memperkukuh institusi komuniti, membantu golongan sasaran serta memperkasa ekonomi penduduk setempat. Pendekatan ini selari dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan kesejahteraan dan kemakmuran bersama.

Pemilihan Kampung Permatang Ara sebagai Kampung Angkat MADANI mencerminkan keyakinan Bank Rakyat terhadap potensi komuniti setempat serta kesediaan institusi ini untuk terus bersama masyarakat dalam meningkatkan sosioekonomi secara mampan,” ujar Bank Rakyat.

**-TAMAT-**